

## PUSAT TERAPI URUTAN CERAGEM

Alat urutan ini berfungsi melalui pancaran sinaran infrared untuk memberikan haba kepada tubuh manusia. Pancaran sinaran infrared tersebut berasal dari jet padat dan panel karbon epoksi yang dipasang pada alat Ceragem. Suhu kepanasan yang dihasilkan pada mesin ini hampir sama dengan haba badan dan memberi 7 manfaat kesihatan terapi.

- Melegakan kesakitan otot
- Melegakan ketegangan otot dan mengurangkan kesakitan arthritis
- Membentuk semula postur badan yang lemah
- Menggalakkan ketenangan dan melegakan tekanan
- Menggalakkan tidur yang lebih nyenyak
- Menggalakkan peredaran darah
- Meningkatkan sistem imunisasi



## TERAPI URUTAN & SPA

### Pakej & Rawatan Yang Disediakan

- Rawatan wajah
- Detox Iconic Kaki
- Menicure
- Pedicure
- Urutan badan
- Terapi kaki



## PUSAT PENGAJIAN AL-QURAN & IQRA'

Kelas Pengajian Al-Quran, Tajwid dan Iqra' khusus kepada Ibu Tunggal, Warga Emas dan komuniti Desa Keluarga Kuala Terengganu untuk mempelajari dan mendalami ilmu Al-Quran oleh tenaga pengajar yang berpengalaman dan berkemahiran dalam bidang Al-Quran.



## KELAS KULINARI

Kulinari adalah kursus kepada Ibu Tunggal dalam bidang masakan, penyediaan makanan, pastri dan kek serta aktiviti-aktiviti yang tertumpu di dapur.

Kursus ini membantu meningkatkan kemahiran dalam masakan dan juga penyediaan makanan.



### YAYASAN PEMBANGUNAN KELUARGA TERENGGANU

Jalan Sultan Omar, 20300 Kuala Terengganu

☎ 09-624 9355/57/58 📠 09-624 1078 ✉ admin@ypkt.gov.my

### ALAMAT PEJABAT YPK KAWASAN

Pejabat YPKT Kawasan Kuala Terengganu  
Bangunan Kompleks Ibu Tunggal Negeri Terengganu,  
Jalan Kubang Ikan, Chendering,  
21080 Kuala Terengganu. ☎ 09-616 4917 📠 09-616 4911

Pejabat YPKT Kawasan Kemaman  
Lot 144, Kampung Gong Limau,  
24000 Kemaman, Terengganu. ☎ 09-858 4898 📠 09-850 5072

Pejabat YPKT Kawasan Dungun  
Lot 9999, Tingkat 1, Bangunan Business Centre,  
Sura Gate, 23000 Dungun, Terengganu. ☎ 09-848 5654

Pejabat YPKT Kawasan Hulu Terengganu  
PT 839, Lot 50032, Aras 1, Pusat Perdagangan  
Kuala Berang, 21700 Kuala Berang, Terengganu. ☎ 09-686 1012 📠 09-686 1291

Pejabat YPKT Kawasan Marang  
PT 160, Bangunan Permint, Bandar Marang,  
21600 Marang, Terengganu. ☎ 09-618 9135

Pejabat YPKT Kawasan Kuala Nerus  
PT 37834, Perkedai Rimba Square,  
Jalan Tengku Mohammad,  
21200 Kuala Nerus, Terengganu. ☎ 09-667 2667

Pejabat YPKT Kawasan Setiu  
Lot 2605, No. 5, Aras 1, Perkedai MDS-UDA,  
Bandar Permaisuri, 22100 Setiu, Terengganu. ☎ 09-609 7808

Pejabat YPKT Kawasan Besut  
Lot 3558-1, Tingkat 1, jalan Kampung Gong Badang,  
Kampung Alor Lintah, 22000 Jerteh, Terengganu. ☎ 09-697 6301

Kompleks Ibu Tunggal Negeri Terengganu,  
Jalan Kubang Ikan, Chendering,  
21080 Kuala Terengganu. ☎ 09-616 4916



# Perkhidmatan KOMPLEKS IBU TUNGGAL



BOOKING UNTUK SLOT PERCUMA

☎ 09-6164916  
📠 011-2929 5101 (Whatsapp)





## KOMPLEKS IBU TUNGGAL YPKT

Kompleks Ibu Tunggal diwujudkan bagi menzahirkan lebih banyak aktiviti dan program yang akan dapat dilaksanakan dengan cara yang lebih proaktif demi pembangunan Ibu Tunggal di Negeri Terengganu.

### OBJEKTIF

- Menyediakan kemudahan kepada Kelab-Kelab Ibu Tunggal dan Warga Emas untuk menjalankan aktiviti yang berkaitan.
- Menyediakan premis perniagaan kepada Ibu Tunggal bagi memasarkan produk-produk mereka.
- Menyediakan kemudahan tempat untuk menjalankan bengkel dan kursus kepada Ibu Tunggal terutamanya.

## PUSAT JUALAN IBU TUNGGAL

Kemudahan seperti Pusat Jualan Ibu Tunggal turut disediakan sebagai pusat pengumpulan dan jualan produk-produk Ibu Tunggal dan peserta Program Jaya Diri untuk membantu dari seluruh Negeri Terengganu.

Produk-produk yang dipasarkan adalah seperti produk kecantikan dan kesihatan, pakaian dan batik, kerepek, makanan frozen, rempah, barangan runcit dan banyak lagi yang dijual disini.



## KAUNSELING KELUARGA

Kaunseling adalah satu proses menolong klien memahami dirinya dan situasi dengan memberi bimbingan dan bantuan ke arah penyelesaian masalah dan konflik yang berlaku.

### OBJEKTIF

- Menyediakan perkhidmatan kaunseling dan bimbingan kepada keluarga lengkap dan tunggal atau secara individu dan kelompok serta bimbingan mengenai isu peribadi, keluarga dan kewangan.
- Menyediakan perkhidmatan runding cara bagi program-program yang dianjurkan oleh jabatan.
- Menganjurkan program-program berbentuk pencegahan berkaitan kaunseling dan bimbingan seperti pembangunan diri dan sahsiah.



## WALADUN SOLEH

Waladun Soleh adalah program khusus kepada ibu mengandung dimana satu program stimulasi janin melalui kaedah ApeP1344 yang dibawa khas oleh Al-Baghdadi Prenatal Education dengan menggunakan bunyi-bunyi asas Al-Quran ke arah melahirkan generasi genius Al-Quran.

Contoh pendidikan sejak dalam kandungan terdapat dalam Al-Quran iaitu melalui kisah Nabi Zakaria a.s.

*"Wahai Tuhanku! Kurniakanlah kepadaku dari sisi-MU zuriat keturunan yang baik; sesungguhnya Engkau sentiasa Mendengar (menerima) doa permohonan."*

[Surah Ali Imran 3 : ayat 38]

Al-Baghdadi Prenatal Education Program telah dicetuskan oleh Al-Baghdadi Group dan kini menerima pengiktirafan the Malaysian Books of Records sebagai program pendidikan Al-Quran untuk ibu hamil pertama di Malaysia.


## JADUAL PERKHIDMATAN KAUNSELING

Isnin & Rabu	09 <sup>00</sup> AM - 12 <sup>00</sup> PM	02 <sup>30</sup> PM - 04 <sup>30</sup> PM
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Klien Secara temujanji atau sukarela</li> <li>Temujanji melalui panggilan telefon atau dirujuk</li> </ul>	



## BAITUL URUS

Sistem mencari jodoh muslim memberi peluang kepada golongan yang masih bujang, duda atau janda yang berkeinginan untuk berkahwin bagi mendapatkan pilihan calon yang lebih banyak dan menyeluruh.



## KELAB IBU TUNGGAL

Kelab Ibu Tunggal YPKT ditubuhkan di setiap DUN bagi memastikan agar program yang dilaksanakan diterima oleh setiap Ibu Tunggal di seluruh negeri yang berjumlah sekitar 18,000 orang.

### Peranan Kelab Ibu Tunggal

- Mengumpul data dan maklumat berkaitan Ibu Tunggal dan permasalahan yang dihadapi.
- Mengadakan program bimbingan / dialog / perbincangan berkaitan dengan keperluan ahli.
- Mengadakan program yang menambahkan pengetahuan, kesedaran seperti bengkel, ceramah serta kursus-kursus yang berkaitan.
- Mewujudkan saluran yang membantu peningkatan ekonomi Ibu Tunggal.



## KELAB WARGA EMAS

Kelab Warga Emas YPKT ditubuhkan di setiap DUN bagi memastikan agar setiap aktiviti yang dijalankan sampai dan diterima oleh setiap Warga Emas di seluruh negeri.

### Peranan Kelab Warga Emas

- Sebagai penggerak program Warga Emas sihat, aktif dan produktif.
- Mengadakan program bimbingan dan ziarah / saringan kesihatan / sukarelawan dan program yang berkaitan dengan keperluan.
- Mengadakan program yang menambahkan pengetahuan, kesedaran seperti bengkel, ceramah serta kursus-kursus yang berkaitan.
- Mewujudkan saluran yang tepat terutamanya dalam membantu Warga Emas yang tidak berkemampuan / daif.

